

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Monday, 29 May, 2017 4:26 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: JASAMU UUM TETAP DIKENANG - DATO' ABDUL HALIM



29 MEI 2017 / 03 RAMADAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

JASAMU UUM TETAP DIKENANG – DATO' ABDUL HALIM



ANJUNG TAMU ONLINE: “UUM telah muncul sebagai salah sebuah universiti pengurusan yang terunggul di Malaysia, berdiri megah setanding dengan universiti-universiti lain termasuk di peringkat antarabangsa”, kata-kata Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Pengurusan), Jabatan Imigresen Malaysia, Yang Berbahagia Dato’ Abdul Halim Abdul Rahman yang merupakan Alumni UUM tahun 1990-1994.

Kedatangan beliau dinanti di UUM *Welcome Centre*, nasihat beliau dihargai sebagai Alumni yang telah berjaya mencipta nama sebagai pemimpin yang dihormati.

Sekitar *Discover UUM*, beliau melahirkan rasa bangga tatkala melihat sejarah permulaan UUM hingga pencapaian kini yang sudah menjangkau 33 tahun.

Senada itu, lawatan di Rumah Tengah yang penuh berisi gambar-gambar sejarah penubuhan awal telah menggamit kenangan malah mengusik jiwa beliau. Apatah lagi pahit manis beliau sebagai pelajar di awal Sintok mengorak wajah.

Dalam pada itu, Bilik Mesyuarat Eksekutif *Welcome Centre* yang pada pendapat beliau kondusif dan mesra alam memberi inspirasi kepada delegasi Jabatan Imigresen Malaysia.

Sejurus selepas lawatan, beliau meluangkan masa di *Gift Shop Welcome Centre* bagi meninjau produk promosi UUM untuk dijadikan sebagai cenderamata kepada staf Jabatan Imigresen Malaysia yang turut serta.

“Tahniah UUM. Jasamu UUM tetap dikenang”, ucap beliau sebelum beredar dari serambi informasi ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Canselori, Ahmad Rasidi Abdullah, Pengarah Jabatan Keselamatan, DSP/KS Mohd. Zulkifli Mohd. Noor @ Muhammad.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.